



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

## KENYATAAN MEDIA

---

### PENGUATKUASAAN AKTIVITI PEMERIKSAAN DAN OPERASI BERSEPADU BAGI MEMPERAMPUH INDUSTRI PERBURUHAN NEGARA

---

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung (JTKS) meyakini bahawa aktiviti penguatkuasaan sama ada melibatkan pemeriksaan mahupun operasi bersepadu adalah antara **mekanisme terbaik** dalam **memperampuh dan juga menjaga keharmonian** dalam industri perburuhan negara.
2. Sepanjang tahun 2023, JTKS telah melaksanakan pelbagai aktiviti pemeriksaan dan operasi bersepadu yang membawa kepada sejumlah **1,660 Kertas Siasatan (KS)** dibuka di seluruh Semenanjung termasuk Wilayah Persekutuan Labuan. Jumlah ini adalah dari Januari sehingga Oktober 2023. Selangor mencatatkan jumlah KS tertinggi dengan 306 KS diikuti Johor sebanyak 294 KS dan Perak dengan 220 KS. Aktiviti pemeriksaan dan operasi bersepadu ini meliputi Akta Kerja 1955 (Pindaan) 2022, Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446] dan juga Perintah Gaji Minimum (PGM) 2022.
3. Daripada jumlah keseluruhan KS tersebut, sebanyak **357 KS** mendapat **izin dakwa** dan membawa kepada jumlah **denda sebanyak RM426,736.00**. Manakala sejumlah **792 KS** mendapat **izin kompaun** dengan jumlah tawaran kompaun bernilai **RM4,002,500.00**.
4. JTKS juga terus mempergiat pemeriksaan dan operasi terhadap Akta 446 yang telah dikuatkuasakan sejak 2020 lagi. Sepanjang 2023, sebanyak **413 KS** dibuka

bagi akta ini dan daripada jumlah tersebut, sebanyak **44 KS** mendapat izin dakwa dengan **nilai denda RM77,000.00**. Sebanyak **276 KS** mendapat **izin kompaun** yang membawa kepada **nilai tawaran kompaun berjumlah RM2,842,000.00**.

5. Selain aktiviti pemeriksaan dan operasi bersepadu, KSM melalui JTKS turut mengendalikan **kes buruh** yang merangkumi bayaran-bayaran terhadap tuntutan seperti bayaran gaji, bayaran faedah penamatan kerja, bayaran notis penamatan dan juga bayaran cuti tahunan. Bagi tempoh Januari sehingga Oktober 2023, sebanyak **14,012 kes buruh telah dikendali** dan daripada jumlah berkenaan, sejumlah **13,006 kes diterima** yang membawa kepada **Jumlah Perintah bayaran sebanyak RM65,240,957.50**.
6. Melalui statistik dan data berhubung aktiviti pemeriksaan, operasi bersepadu dan pengendalian kes buruh yang dijalankan oleh JTKS, jelas dan nyata bahawa penguatkuasaan merupakan antara mekanisme dalam memperampuh dan menjaga keharmonian dalam industri perburuhan negara terus terjamin.

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

**PUTRAJAYA**

**30 NOVEMBER 2023**